

Lelaki terlibat dadah berulang dipenjara lima tahun, satu sebatan

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan sekali sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam setelah mengaku bersalah atas tuduhan menggunakan dadah berbahaya secara berulang.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh supaya menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua tahun.

Terdahulu, mahkamah diberitahu bahawa kes ini ditetapkan untuk penguurusan kes, namun tertuduh berhasrat menukar pangakuannya kepada bersalah.

Yusri Abdullah, 27,

dari Kampung Peninjau, Bekenu didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39C (1) (b) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan tidak melebihi tujuh tahun serta sebat tidak melebihi tiga kali.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine dan pada masa sama turut mempunyai dua rekod sabitan lampau di bawah Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 masing-

masing bertarikh 27 Januari 2023 dan 1 Julai 2024.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 12.09 tengah malam, 12 Ogos 2024 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Setelah mendengar pengakuan bersalah dan rayuan tertuduh, mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara lima tahun ke atas tertuduh berkuat kuasa mulai tarikh tangkapan pada 12 Ogos 2024.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya David Bakit Nuing di hadapan Hakim Azreena Aziz manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.